

01 NOV 1997

Mahathir-Profesional

PERDANA MENTERI MAHU BUMIPUTER PROFESIONAL BERBAKTI KEPADA MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata golongan bumiputera profesional mestilah mempunyai semangat dan kesedaran serta bertanggungjawab dan berasa terhutang budi dari nikmat yang diperolehi untuk berbakti kepada masyarakat.

Perdana Menteri berkata seseorang profesional tidak lengkap dengan hanya mempunyai pendidikan dan kelulusan yang mencukupi sekadar untuk mencapai matlamat tinggi, sekiranya tidak insaf dengan peluang yang telah diberikan oleh kerajaan dan masyarakat.

"Untuk mencapai kejayaan, kita perlu lebih daripada itu. Yang kita perlukan ialah dedikasi dan semangat untuk menjayakan diri kita dan menjayakan akhlak bangsa kita sendiri yang memberi peluang kepada kita.

"Jika kita tidak ada semangat dan insaf dengan tindakan yang diambil untuk menjayakan kita, maka kita tidak dapat memenuhi kehendak kaum, bangsa dan negara kita sendiri," kata Dr Mahathir semasa menyampaikan ucapan utama pada majlis jamuan malam Gabungan Persatuan Pelajar Lulusan Maktab Rendah Sains MARA (Ansara) dan melancarkan Kumpulan Pakar Ansara di sini malam ini.

Perdana Menteri berkata kaum bumiputera yang dahulunya seolah-olah tidak mempunyai peranan langsung di dalam ekonomi, kini telah mempunyai peranan yang penting dan berpengaruh.

Katanya rakyat Malaysia beruntung kerana usaha sentiasa dibuat untuk membantu kaum yang tertinggal dan ini jarang berlaku di negara-negara lain.

"Hari ini perbezaan antara kaum tidak begitu ketara. Dahulu memang begitu ketara, sehingga kita (Bumiputera) terasing dan seolah-olah kita tidak ada peranan," katanya.

Dalam ucapan utamanya yang bertajuk "Kumpulan Profesional Melayu Sebagai Teras Wawasan Negara", Dr Mahathir berkata golongan profesional mempunyai peranan yang penting untuk membentuk budaya dalam sesebuah masyarakat dan dalam pengwujudan masyarakat kumpulan menengah.

"Kumpulan ini memainkan peranan yang amat penting untuk menentukan jaya atau tidaknya sesuatu masyarakat. Kalau pun ada pada masyarakat itu mereka yang boleh diklasifikasikan sebagai "kelas atasan (upper class ") tetapi tidak ada kelas menengah (middle class) yang mencukupi, maka masyarakat itu seolah-olah tidak ada pegangan...cuma ada kepala dengan kaki sahaja, tengah-tengah tidak ada," katanya.

Beliau berkata kerana pentingnya masyarakat kumpulan menengah, kerajaan memberi tumpuan kepada pengwujudnya bagi memenuhi prasyarat pembangunan.

Katanya walaupun pengkelasan masyarakat tidak disukai, hakikat pengwujudan kelas menengah memainkan peranan penting dan menyumbang kepada pembentukan budaya dan kejayaan sesebuah masyarakat.

Dr Mahathir berkata secara umumnya beliau bangga dengan kesedaran golongan profesional yang sudah berjaya akan tanggungjawab dan keinsafan mereka untuk membalas budi kepada masyarakat.

Katanya bidang profesional yang semakin berkembang seharusnya boleh dijadikan landasan kepada mereka yang berjaya untuk mengkaji sumbangan dan peranan yang boleh dimainkan untuk memajukan masyarakat serta menyediakan peluang untuk dinikmati generasi akan datang.

Beliau juga mengingatkan golongan profesional supaya tidak menggelabah dengan masalah kemerosotan mata wang dan ekonomi negara dan meminta supaya mereka berusaha mengatasi masalah dengan disiplin diri yang tinggi.

Dr Mahathir yang mengulangi lebih daripada tiga kali tentang pentingnya

daya kuasa beli (purchasing power) daripada jumlah pendapatan yang diterima, berkata rakyat tidak boleh bertindak tergesa-gesa terhadap apa yang sedang berlaku sebaliknya bertanggungjawab dan berdisiplin menangani setiap masalah.

Perdana Menteri berkata apa yang boleh dilakukan golongan profesional ialah bukanlah hanya terletak kepada kelulusan tetapi pengetahuan mengenai apa yang harus dilakukan dan kesedaran terhutang budi kepada masyarakat serta berusaha membalas budi.

Dr Mahathir turut melancarkan Kumpulan Pakar Ansara yang bertujuan untuk mendapatkan jaringan rangkaian (networking) dan mencari peluang-peluang perniagaan yang merangkumi pelbagai sektor dan bidang seperti kejuruteraan, kewangan dan ekonomi, perubatan, pendidikan, teknologi maklumat, media massa, pembinaan, alam sekitar serta undang-undang.

Yang turut hadir ialah Presiden Ansara Mukhriz Mahathir, isteri Perdana Menteri selaku Penaung Ansara Datin Seri Dr Siti Hasmah dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed. -- BERNAMA

HS WAT